

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Komunikasi pembangunan meliputi peranan dan fungsi komunikasi sebagai suatu kegiatan pertukaran pesan secara timbal balik di antara semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan terutamanya antara rakyat dan kerajaan. Fungsi ini bermula daripada proses perancangan dan perlaksanaan hingga ke tahap penilaian terhadap pembangunan. Dalam perkataan lain, komunikasi pembangunan merupakan segala usaha dan cara serta teknik penyampaian gagasan dan ketrampilan pembangunan yang ditujukan kepada rakyat. Kegiatan tersebut bertujuan agar rakyat dituju dapat memahami, menerima, dan turut serta dalam perlaksanaan gagasan yang disampaikan terhadap mereka. Hedebro (1979) dalam kajiannya *Communication and Social Change in Developing Nation : A Critical View* menerangkan bahawa komunikasi pembangunan merupakan pendekatan yang tertumpu kepada pembangunan suatu bangsa dan bagaimana media massa dapat menyumbang dalam usaha tersebut.

Penggunaan komunikasi untuk pembangunan negara telah bermula sejak manusia hidup bermasyarakat dan membina tamadun sendiri. Penggunaan komunikasi sebagai

penggerak atau penggembelng manusia bagi mencapai pembangunan yang diingini dikatakan, tidak dipelopori oleh mana-mana pihak. Ini memandangkan setiap masyarakat atau tamadun memerlukan sokongan sistem komunikasi yang berkesan untuk mencapai cita-cita pembangunan mereka sendiri.

Jika dikaji setiap tamadun atau negara yang berjaya, pasti wujudnya suatu sistem komunikasi yang berkesan. Komunikasi bagi tujuan pembangunan menggunakan teknologi media massa yang diimport dari Barat mula muncul di Dunia Ketiga pada awal tahun 1960-an sebagai suatu komponen yang penting dalam usaha-usaha pembangunan zaman itu. Dalam dekad 1960-an, agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seperti UNESCO telah menumpukan banyak perhatian terhadap sumbangan pihak akhbar, radio, filem dan televisyen kepada pembangunan sesebuah negara. Ketika itu pihak-pihak berkenaan merasakan ada banyak petunjuk yang membayangkan bahawa memang wujud perhubungan di antara pencapaian ekonomi sesebuah negara dengan perkembangan media massa di negara berkenaan.

Dalam pada itu, kuasa komunikasi pembangunan yang merujuk kepada pembangunan negara turut diyakinkan melalui penyelidikan dan penulisan oleh pakar-pakar komunikasi Amerika Syarikat yang terkenal seperti Daniel Lerner, Lucien Pye, Wilbur Schramm dan ramai lagi. Mereka telah melancarkan suatu tanggapan bahawa negara-negara Dunia Ketiga boleh mempercepat proses pembangunan negara melalui pelaburan yang besar terhadap infrastruktur media massa terutamanya radio dan televisyen di negara masing-masing. Mereka berusaha meyakinkan negara-negara

membangun bahawa media massa boleh digunakan dengan berkesan untuk mewujudkan suasana atau iklim yang boleh menerima kegiatan untuk memajukan diri dan negara. Ini termasuk menghapuskan atau setidak-tidaknya mengurangkan kepercayaan yang boleh membantutkan atau memperlahan pembangunan rakyat dan negara.

Pakar-pakar komunikasi menganggap media sebagai pendidik dan ideanya dapat dimanfaatkan untuk mengajar masyarakat pelbagai ketrampilan dan mempengaruhi mental serta perilaku mereka. Persoalan utama bagaimanakah media dapat memainkan peranan yang berkesan dalam mengajar pengetahuan kepada masyarakat tempatan serta membawa perubahan pembangunan terhadap rakyat. Pendekatan ini juga berorientasikan perubahan yang terjadi dalam suatu komuniti tempatan atau desa. Penumpuannya adalah dalam memperkenal idea baru, pengeluaran produk baru dan penyebarannya di suatu wilayah atau desa.

Catatan tentang peranan komunikasi dalam pembangunan negara masih dapat diperluaskan berikutan kompleksnya tuntutan pembangunan itu sendiri. Wilbur Schramm, Daniel Lerner, Hedebro dan beberapa pakar komunikasi sezaman telah menyenaraikan beberapa matlamat komunikasi yang diharapkan dapat memusatkan proses pembangunan di negara-negara Dunia Ketiga seperti berikut :

- Media massa boleh mewujudkan iklim perubahan untuk memperkenal nilai baru, sikap baru dan perlakuan yang sesuai untuk pemodenan .

- Schramm (1967) dalam bukunya *Communication and Change* pula menyatakan media massa boleh mengajar kemahiran baru daripada celik huruf kepada pertanian, kejayaan kumpulan dan pemberian kereta.
- Media massa dapat bertindak sebagai pengganda sumber daya pengetahuan.
- Media massa unik kerana keupayaannya menimbulkan pengalaman yang dikehendaki melalui pendedahan terhadapnya. Ia boleh mengurangkan kos dalam sebarang pengamalan dan penggunaan produk atau perkhidmatan yang lebih ekonomi.
- Komunikasi dapat meningkatkan aspirasi yang merupakan perangsang untuk bertindak nyata.
- Rostow (1960) dalam kajiannya *The Stages of Economic Growth : A Non Communist Manifesto* menerangkan komunikasi boleh membantu masyarakat menemui norma baru dan keharmonian pada masa peralihan.
- Komunikasi membolehkan rakyat lebih cenderung dalam menyertai pengambilan dasar atau membuat sebarang keputusan dalam masyarakat.
- Komunikasi dapat mengubah struktur kekuasaan pada masyarakat yang bercirikan tradisional kepada pengetahuan menerusi media masa.
- Komunikasi boleh mewujudkan suasana kekitaan dalam pembangunan negara.
- Komunikasi membolehkan sebilangan besar rakyat sedar akan kepentingan diri mereka sebagai warganegara sesebuah negara. Ini akan mendorong lebih ramai rakyat melibatkan diri dalam kegiatan politik dan seterusnya mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi.
- Komunikasi memudahkan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang berkaitan dengan keperluan penduduk.

- Komunikasi boleh membangunkan ekonomi, sosial dan politik sebagai satu proses yang berlangsung sendiri.

Mohd. Tahir Ramli (1983) dalam kajiannya *Sumbangan RTM dalam Dasar Komunikasi Negara* mengakui bahawa media massa sebagai alat memupuk kesedaran dan membawa pembangunan di kalangan rakyat dengan isu-isu yang berkaitan dengan sosio-ekonomi, politik dan dasar kerajaan. Media juga dilihat sebagai alat penyampai maklumat dan alat penghibur. Dalam kajiannya, Tahir Ramli juga menjelaskan bahawa televisyen mempunyai pengaruh yang kuat dalam aktiviti kehidupan domestik rakyat. Menerusi media, maklumat dapat disebarluaskan melalui visual dan audio serta dapat melampaui batasan sosial dan geografi.

Di negara kita Malaysia, terdapat pelbagai alternatif stesen penyiaran seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang menggunakan saluran TV1 dan saluran TV2 , Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) , Metro Vision, All Asia Satellite Television and Radio Organization (ASTRO) dan National Televisyen yang dikenali sebagai NTV7 atau Saluran Ceria Anda. Kemampuan sesebuah stesen televisyen beroperasi secara mantap atau tidak adalah bergantung kepada tanggungjawab sosialnya dalam menjalankan fungsinya sebagai media pembangunan negara menerusi pembentukan pemrograman rancangan yang disiarkan.

Peranan media massa di dalam pembangunan negara Malaysia sememangnya tidak dapat dinafikan. RTM menerusi Kementerian Penerangan adalah agensi utama dan badan rasmi kerajaan Malaysia dalam menyebar dan menerangkan maklumat-maklumat dan dasar negara serta projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk rakyat. Penubuhan media rasmi ini juga bertujuan menyiaran rancangan yang berkualiti bagi memenuhi selera dan kehendak penonton. Menerusi pemprograman dan rancangan-rancangan yang disiarkan, dasar penyiaran RTM adalah untuk membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai dalam memajukan pembangunan sosio-ekonomi rakyat serta dapat merealisasikan cita-cita negara. Menerusi RTM, matlamat untuk membentuk dan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang harmonis dan bersatu padu dapat dijalankan dengan berkesan.

Sebagai sebuah badan penyiaran yang perlu menghadapi perubahan, soal kematangan adalah suatu perkara yang subjektif. Mungkin lebih logik sekiranya kita menilai prestasinya dari segi desakan semasa, sama ada perubahan yang berlaku di dalamnya sesuai dengan kehendak zaman.

Dalam menghadapi tekanan daripada stesen-stesen swasta yang lain, RTM ternyata mengalami satu keadaan yang belum pernah dialaminya. Pada tahap permulaannya ia berada dalam keadaan panik seolah-olah terdesak buat kali pertama untuk mencari identitinya yang sebenar. Namun RTM tetap bersenang hati dengan sangkaan bahawa penguasaannya dalam lapangan media elektronik masih tidak terjejas.

Stesen-stesen penyiaran swasta seperti Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan Saluran Ceria Anda (NTV7) sememangnya mempunyai daya penarik yang kuat. Pembentukan pola penjadualan rancangan dan pemprograman yang disiarkan adalah menarik dan senantiasa dapat memenuhi kehendak rakyat. Falsafahnya ialah untuk menghidangkan apa yang dituntut oleh orang ramai. Sebaliknya RTM pula berpegang kepada hakikat bahawa pola penjadualan rancangan dan pemprogramannya adalah bagi memenuhi matlamat kerajaan demi menyampaikan maklumat dan memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Suasana persaingan yang wujud antara RTM dengan stesen-stesen penyiaran swasta yang lain membawa kesan yang baik kepada penonton. Ini menjaminkan bahawa tiap-tiap satunya akan menentukan, ia tidak ketinggalan dalam usaha menghidangkan persembahan yang terbaik dari segi peranannya sebagai media pembangunan negara.

1.2 Permasalahan Kajian

Mohd Adib Adam (1983) dalam kajiannya *Penjadualan Program TV RTM* berpendapat perkembangan media penyiaran telah banyak membantu dalam usaha penyebaran maklumat dan meningkatkan pemahaman rakyat berhubung keadaan persekitaran. Fenomena ini telah banyak membantu menggerakkan proses pembangunan sesebuah negara .

Howell (1986) dalam bukunya *World Broadcasting In The Age of Satellite* pula menganggap bidang penyiaran sebagai satu bentuk media jelata yang mampu mengubah proses pembentukan negara dengan bertindak sebagai alat untuk mendidik, memberitahu dan mewujudkan perpaduan rakyat bagi sesebuah negara. Secara tidak langsung, peranan televisyen adalah berkait rapat dengan sistem penyaluran maklumat.

Pengkaji berpendapat televisyen adalah media sebaran am yang bertindak sebagai pendidik kepada minda dan jiwa. Ini bermakna, televisyen mempunyai pengaruh yang kuat di dalam aktiviti kehidupan harian manusia. Kandungan pemprograman rancangan televisyen telah menjadi tali penghubung kepada khalayak yang terdiri daripada pelbagai ras dan etnik. Menurut Howell, khalayak ialah aset kepada sesebuah stesen televisyen yang harus diberikan perhatian . Ini adalah berikutan sebarang usaha dan langkah yang dijalankan oleh kerajaan harus disalurkan oleh stesen televisyen kepada orang awam sebagai media pembangunan negara.

Dalam hal ini, media bukan sahaja berfungsi sebagai penyebar maklumat malah berperanan sebagai penyebar kebudayaan. Sebagai penyebar budaya, ia dapat memupuk kesedaran dan apresiasi rakyat terhadap budaya tempatan di samping menyemai serta memelihara norma-norma masyarakat.

Bagaimanapun di alaf teknologi moden ini, peranan RTM sebagai media pembangunan negara sering kali ditepikan. RTM dikatakan tidak lagi mampu menarik perhatian khalayak berikutan kewujudan stesen-stesen penyiaran swasta dan stesen tv

satelit. Hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah maklumat dianggap sebagai kuasa. Kewujudan dan cara penyebaran maklumat serta dasar kerajaan akan membezakan pandangan seorang individu dengan individu yang lain berikutan limpahan sumber maklumat yang lain.

Kemampuan RTM sebagai penyebar maklumat dan media pembangunan negara dipersoalkan. RTM seakan terhimpit antara kehendak kerajaan mahu pun negara atau kemahuan penonton. Dalam merangka struktur pemprograman dan rancangan yang ingin disajikannya terhadap khalayak, tuntutan komersial dan tanggungjawab sosial memerlukan pertimbangan yang sewajarnya.

Maka, kajian ini lebih difokuskan kepada corak pemprograman RTM dalam menjalankan peranannya sebagai media pembangunan negara. Berdasarkan kajian ini, kita akan mengetahui sejauh manakah program-program yang disiarkan oleh Saluran TV1 dan Saluran TV2 bersetujuan dengan matlamat dan dasarnya dalam menerajui pembangunan negara.

1.3 Ruang Lingkup Kajian

Sebagai usaha awal, pengkaji telah mengumpul keseluruhan program-program yang disiarkan di Saluran TV1 dan Saluran TV2 sepanjang tahun lalu iaitu dari 1hb Januari 2001 hingga 31hb Disember 2001 yang diterbitkan oleh lima unit program RTM seperti berikut :

- I. Bahagian Berita dan Ehwal Semasa Televisyen
- II. Bahagian Hiburan dan Muzik
- III. Bahagian Hal Ehwal Awam
- IV. Bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- V. Bahagian Pembangunan dan Pertanian

Program-program tersebut dibahagikan mengikut tajuk rancangan, jenis/format, hari siaran, waktu siaran, jangka masa, tarikh siaran dan saluran yang digunakan. Pengumpulan maklumat ini amat penting bagi melihat corak pemprograman RTM, adakah pola penjadualannya selaras dengan dasar dan matlamat kerajaan sebagai media pembangunan negara.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dibuat untuk melihat keberkesanan RTM dalam memainkan peranannya sebagai media pembangunan negara. Sejauh manakah segala matlamat dan dasar yang dijalankan oleh saluran rasmi ini dapat dikenal pasti menerusi pemprograman rancangannya.

1.5 Objektif

Objektif penyelidikan ini adalah seperti berikut :

- i. Sejauh manakah Radio Televisyen Malaysia (RTM) membentuk rancangan dan pemprogramannya selaras dengan matlamat RTM sebagai media pembangunan negara.
- ii. Meneliti pola pemrograman yang disiarkan sepanjang tahun 2000 di Saluran TV1 dan Saluran TV2.
- iii. Mengenal pasti program-program yang diminati oleh rakyat.
- iv. Untuk mengetahui jenis program yang disiarkan melalui Saluran RTM mengikut konsep dan formatnya.

1.6 Metodologi

Kaedah kajian bermaksud pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data dari awal sehingga akhir kajian.

Menurut Bailey (1984) dalam bukunya *Kaedah Penyelidikan Sosial* menyatakan kaedah kajian bermaksud falsafah penyelidikan yang merangkumi nilai dan andaian yang dijadikan garis panduan dalam penyelidikan untuk menafsirkan data dan membuat kesimpulan bagi penyelidikan yang sedang dilakukannya. Maka adalah wajar bagi penyelidik untuk menentukan jenis kaedah kajian yang akan digunakan untuk kajiannya.

Keseluruhan kajian ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah yang digunakan ialah dengan menganalisis data-data dan teks. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan data-data sekunder iaitu berdasarkan data-data yang

diperolehi daripada sumber-sumber laporan kajian yang dilakukan oleh badan-badan tertentu seperti :

- I. *Laporan Media Massa Malaysia 2000, Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia 1997.*
- II. *Rancangan dan Maklumat Radio Televisyen Malaysia 2000, Unit Dokumentari RTM, Jabatan Penyiaran Malaysia.*
- III. *Laporan Kajian Populariti TV 2000, Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia, Jun 1997*
- IV. *Laporan Kajian Peranan RTM sebagai Media Saluran Maklumat 2000.*

Selain itu, kajian perpustakaan juga dibuat bagi memperlengkap lagi kajian ini.

1.7 Pembahagian bab

Secara umumnya, bab satu kajian ini membincangkan konsep komunikasi pembangunan dan kedudukan RTM sebagai badan rasmi kerajaan di kalangan stesen-stesen penyiaran swasta yang lain. Selain itu, pengkaji turut menggunakan pola pemrograman yang disiarkan sepanjang tahun 2000 dan menggunakan kajian perpustakaan bagi melengkapkan penyelidikan ini. Pengkaji juga meninjau kajian-kajian dan penyelidikan lepas tentang perkembangan sistem penyiaran sama di dalam mahu pun di luar negara. Konsep-konsep utama juga diselitkan di bahagian ini untuk menjelaskan dan menerangkan pemahaman berhubungan siaran rancangan-rancangan RTM.

Bab dua di dalam laporan ini melihat perkhidmatan awal RTM dan aktiviti serta rancangan yang disiarkan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2. Pengkaji juga turut meninjau peranan komunikasi sebagai pencetus pembangunan di Malaysia. Bab ini juga menerangkan peranan komunikasi pembangunan di negara-negara membangun yang lain seperti India, Eropah dan Afrika. Pengkaji juga melihat corak pemprograman RTM dalam konsep pembentukan moral, peranannya dalam mengintegrasikan masyarakat, pembentukan Dasar Kebudayaan Nasional, Dasar Pelajaran Kebangsaan, peranannya dalam menggalakkan unsur-unsur kesenian dan kebudayaan serta fungsinya dalam perkembangan sejarah negara. Pengkaji juga menyelitkan kawalan-kawalan yang perlu dipatuhi oleh badan penyiaran ini supaya RTM kekal sebagai media pembangunan kerajaan dan rakyat di dalam segala aspek.

Bab tiga di dalam penyelidikan ini akan menganalisis secara kritikal hasil kajian yang dilakukan oleh Cawangan Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia bagi membuktikan keberkesanan pemprograman RTM sebagai media pembangunan rakyat dan negara. Kajian ini akan melihat penontonan khalayak terhadap rancangan berbentuk maklumat dan mesej kerajaan, tahap kesedaran responden terhadap RTM sebagai media saluran maklumat kerajaan, tahap gunapakai maklumat dan mesej kerajaan oleh rakyat dalam pembangunan negara serta penilaian kaum terhadap RTM .

Bab seterusnya membincangkan sambungan analisis dari bab tiga dengan menekankan pemprograman RTM yang dikategorikan kepada sektor-sektor yang

bercorak pembangunan negara seperti ekonomi, sosial dan politik. Dalam pembangunan sektor ekonomi, pengkaji meninjau pemprograman dan rancangan-rancangan yang yang berkait rapat dan diterbitkan dalam bidang perniagaan, pertanian dan penyiaran iklan. Dalam soal ini RTM juga turut menyumbang pertumbuhan ekonomi negara dengan membangunkan industri profileman negara serta menggalakkan penerbitan program-program tempatan. Dalam pembangunan sosial pula, pengkaji melihat fungsi komunikasi RTM dalam penyiaran program-program seperti informasi, pendidikan, rancangan kanak-kanak dan wanita. Dalam bidang politik pula, pengkaji menyelidik rancangan-rancangan yang berunsur politik seperti persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, pembubaran Parlimen, kunjungan hormat mana-mana Ketua Kerajaan dari luar negara ke Parlimen dan Laporan Khas politik dalam berita seperti Persidangan OIC dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (Nam) .

Akhir sekali, bab lima memberikan cadangan dan kesimpulan terhadap RTM supaya kekal sebagai media pembangunan negara dan disaran membentuk pemprograman sendiri mengikut kesesuaian dan keserasian masyarakat tempatan.

1.8 Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu adalah sebahagian daripada proses pengumpulan maklumat daripada sumber kedua. Data sumber kedua ini bermaksud data yang dikutip oleh orang lain untuk sesuatu tujuan lain. Data sekunder ini boleh diperolehi dari perpustakaan atau dari jaringan komputer antarabangsa (INTERNET).

Beberapa kajian terdahulu ada dilakukan terhadap stesen penyiaran RTM sama ada TV1 mahu pun TV2. Dalam kajian yang dilakukan oleh Faridza Osman (1995/96) yang berjudul Analisis Rancangan Popular Di TV1 : Stesen Televisyen Kerajaan dan Pemaparan Identiti Nasional, beliau menfokuskan beberapa program dan menilai sama ada pemprograman tersebut memaparkan identiti nasional atau tidak berpandukan kronologi cerita, perwatakan utama dan sampingan serta mesej yang ingin disampaikan.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Nor Aini Dolkarim (1996/97) yang bertajuk Analisis Kandungan Rancangan TV2 : Apakah Mencerminkan Identiti Budaya Nasional . Dari segi metodologi yang digunakan, kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian Faridza Osman dan yang membezakannya ialah beliau menganalisis pemprograman yang disiarkan di TV2.

Penyelidikan tentang perkembangan sistem penyiaran bukanlah satu perkara yang baru dalam tradisi penyelidikan penyiaran sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Kajian yang berkaitan dengan perkembangan penyiaran di Semenanjung Malaysia telah dijalankan oleh Adhikarya (1977) dalam kajiannya *Broadcasting in Peninsular Malaysia*. Kajian yang dilakukan oleh beliau meliputi struktur penyiaran radio dan televisyen serta beberapa garis panduan yang diperuntukan dalam penyusunan pemprograman. Menurut beliau, penyusunan pemprograman media elektronik seharusnya menekankan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan usaha pembangunan negara.

Dalam kajiannya, beliau telah mengadaptasikan kaedah analisis kandungan bagi meneliti kandungan pemrograman yang memberikan kesan terhadap khalayak penonton. Hasil kajian beliau telah dapat membuktikan sejauh manakah rancangan-rancangan drama dan hiburan telah dapat menerapkan matlamat kerajaan yang berlandaskan Rukunegara. Secara amnya, kajian yang dilakukan oleh Adhikarya (1977) telah menfokuskan penyiaran di Semenanjung Malaysia dan berfungsi ke arah matlamat serta keselarasan dasar-dasar kerajaan.

Sementara Asiah Sarji (1982) pula dalam kertas kerjanya yang berjudul *Historical Development of Broadcasting in Malaysia and Its Significant Between 1937-1957* menumpukan kajiannya kepada sejarah, perubahan dan perkembangan penyiaran di Malaysia sebelum merdeka. Dalam kajiannya, beliau ada mengemukakan beberapa pemrograman yang disiarkan di negara kita sebelum merdeka. Antaranya adalah rancangan yang berbentuk berita, informasi pelajaran, propaganda dan rancangan agama.

Manakala kajian oleh Tripot Kaur Santokh (1986) berjudul *Broadcast Development in Malaysia : Communication Structures and National Aspiration* ada menyentuh tentang pola pemrograman radio di empat rangkaian tempatan iaitu rangkaian biru, hijau, merah dan nasional. Kajian beliau dikatakan dapat memberi pemahaman yang mendalam tentang pola penjadualan rancangan dan polisi penyiaran di Malaysia.

Objektif utama kajian Tripot Kaur Santokh (1986) adalah untuk mengenalpasti pola pemrograman rancangan di Radio dan Televisyen Malaysia serta melihat pembangunan polisi penyiaran di Malaysia. Hasil kajian beliau menunjukkan golongan khalayak begitu kuat bergantung kepada media elektronik dalam mendapatkan maklumat dan hiburan. Berdasarkan pendedahan yang kuat terhadap media, maka beliau membuat kesimpulan bahawa media menjadi saluran yang penting kepada kerajaan dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan sama ada berbentuk politik, sosial dan ekonomi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, penyelidikan dan kajian berhubung pola pemrograman televisyen di luar negara adalah amat kurang dijalankan. Walau bagaimanapun terdapat juga kajian yang berkaitan dengan penyusunan dan pemrograman penjadualan. Misalnya kajian yang dibuat oleh Eddie dan Peter (1983) berjudul *Communication Policy and Planning in Singapore* merumuskan bahawa Radio Televisyen Singapura atau kini dikenali sebagai Singapore Broadcasting Corporation (SBC) menumpukan perhatian khusus dalam penyiaran pemrograman dan rancangan-rancangan yang dapat berfungsi sebagai medium yang boleh membina sahsiah negara dan pembangunan sosial. Mereka juga berpendapat perancangan pemrograman di SBC dibuat berdasarkan tiga objektif utama iaitu :

- Mengkalkan satu kesinambungan di antara rancangan yang bercorak pendidikan atau pengajaran serta pengetahuan tentang pembangunan negara berserta dengan rancangan hiburan.
- Menyokong kempen-kempen yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan.

- Mengelakkan satu keseimbangan dalam rancangan atau mesej yang hendak disampaikan dalam keempat-empat bahasa utama agar dapat memastikan mesej yang hendak disampaikan itu diterima dengan betul oleh rakyat.

1.9 Konsep-konsep Utama

Konsep penting dalam menjelaskan dan menerangkan sesuatu perkara atau pun sesuatu fenomena. Bagi menjelaskan pemahaman tentang kajian ini beberapa konsep yang dianggap penting telah didefinisikan di bawah. Ini adalah untuk melihat sejauh manakah rancangan dan pemprograman yang disiarkan di kedua-dua Saluran RTM dapat menjalankan tanggungjawab sebagai media pembangunan rakyat dan negara .

1.9.1 Komunikasi

Komunikasi berasal dari perkataan latin/Yunani *communcare* yang bermakna mewujudkan persamaan (*to make common*). Walau bagaimanapun apabila ramai sarjana mengkaji bidang ini timbul pelbagai jenis definisi dan takrifan tentang istilah komunikasi. Secara umumnya terdapat empat kategori utama yang menjelaskan definisi komunikasi iaitu :

I *Takrifan yang menekankan penyebaran dan pengiriman.*

Satu pendapat daripada Theodorson (1970) menyatakan komunikasi ialah pengiriman maklumat, pemikiran sikap atau emosi daripada seorang individu kepada individu yang lain atau dari kumpulan kepada kumpulan lain dengan menggunakan symbol.

Manakala kamus *American College Dictionary* menyatakan komunikasi ialah proses pertukaran dan penyebaran pendapat dan pandangan serta maklumat melalui ucapan, tulisan dan isyarat.

Melalui takrifan ini, komunikasi dikatakan berlaku apabila wujud penyampaian maklumat, fikiran dan emosi kepada orang lain walaupun si penerima tidak memberi reaksi atas mesej yang disalurkan kepadanya. Oleh itu, agak sukar untuk mengukur komunikasi jenis ini berlaku atau tidak.

II *Takrifan yang menekankan perkongsian makna*

Wilbur Schramm (1979) menyatakan komunikasi boleh dianggap sebagai satu perkongsian orientasi terhadap satu set isyarat maklumat. Pendapat lain seperti Rogers menyatakan komunikasi ialah satu proses apabila kedua-dua pihak yang terlibat membentuk dan berkongsi maklumat antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai persefahaman.

Perkongsian ini juga dikenali sebagai perkongsian makna isyarat. Komunikasi ini berlaku sekiranya wujud persefahaman yang sama. Menurut kategori ini sukar berlakunya komunikasi kerana sering wujudnya salah faham antara penyampai dengan penerima akibat dipengaruhi oleh nilainya yang berbeza. Penerima maklumat mentafsir maklumat berdasarkan pengalaman, pendidikan dan alam sekitar.

III Takrifan yang menekankan pembujukan

Menurut Horland (1975) komunikasi ditakrifkan sebagai proses penyampaian rangsangan dengan tujuan untuk menukar tingkah laku individu lain. Sementara Charles menyatakan komunikasi berlaku apabila satu sistem atau sumber cuba mempengaruhi sistem atau sasarannya dengan memanipulasi beberapa simbol alternatif yang boleh disampaikan melalui saluran yang menghubungkan mereka.

Keberkesanan komunikasi ini lebih mudah apabila si penerima mengubah tingkah lakunya atau pandangannya mengikut mesej yang hendak disampaikan kepadanya. Bagaimanapun takrifan ini tidaklah meliputi segala aktiviti komunikasi manusia. Adakalanya kita berkomunikasi semata-mata untuk menyampaikan maklumat atau perasaan kita kepada orang lain.

IV Takrifan yang menekankan aspek tingkah laku

Menurut Carter (1978) komunikasi ialah satu tingkah laku. Apabila individu berkomunikasi maka dia bukan bertindak terhadap maklumat yang sampai kepadanya. Sebaliknya dia berusaha mencari maklumat yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapinya. Maklumat ini memberi satu gambaran yang lebih tepat tentang persekitaran yang perlu dihadapinya.

Takrifan ini membuat perbezaan antara penyampai dengan penerima. Walau bagaimanapun pandangan ini telah dikritik. Darwin (1977) misalnya, mengatakan kita tidak boleh menganggap maklumat itu akan mempunyai makna yang sama kepada semua individu. Seseorang itu akan mentafsir berdasarkan keperluan dan masalah hidupnya.

Secara umumnya, komunikasi berfungsi untuk memberitahu, mendidik, membujuk dan menghibur yang melibatkan beberapa elemen penting seperti penyampai, penerima, mesej, saluran dan halangan-halangan yang dihadapi.

Negara kita Malaysia telah lama mengiktiraf kuasa komunikasi dalam menyokong pembangunan. Komunikasi di negara ini memang digunakan sebagai agen pembangunan atau pemangkin dalam perubahan. Malah Kementerian Penerangan Malaysia amat terlibat dalam hal ini. Misalnya, antara fungsi utama RTM ialah “memujuk” khalayak supaya memahami dan menghayati usaha-usaha pembangunan. Dalam menjalankan tugas ini, semua jentera rancangan RTM digembleng untuk memujuk rakyat memahami pelbagai dasar kerajaan sama ada dalam bidang ekonomi, kebudayaan, agama, pendidikan, politik dan sebagainya.

1.9.2 Rancangan atau Program

Rancangan bermaksud bahan-bahan yang dikumpul dan diadun untuk dijadikan unsur elemen dalam membentuk sesuatu jenis persembahan yang disiarkan melalui media elektronik seperti di televisyen sama ada dalam bentuk digital mahupun analog. Misalnya, pemprograman yang telah dirancangkan untuk golongan dewasa, kanak-kanak, remaja, kaum wanita dan kaum lelaki, hiburan, berita, maklumat, sukan, agama, pendidikan dan sebagainya. Rancangan yang disiarkan ini mempunyai jangka waktu yang telah ditetapkan dan sasaran khalayaknya yang tersendiri.

Sesuatu rancangan yang baik akan mudah difahami oleh khalayak sekiranya gaya persembahannya mempunyai aspek-aspek lakonan, pertuturan, pergerakan muzik, kesan bunyi dan visual yang sesuai. Rancangan ini adalah berbentuk siaran yang tidak kurang daripada lima minit. Ia dikategorikan sebagai bahan siaran yang utama. Misalnya siaran rancangan penuh seperti Tayangan Gambar Melayu, Drama Melayu dan Cerekrama. Rancangan seumpama ini biasanya disiarkan selepas *Berita Perdana* dan *News On Two* pada waktu malam dan tempoh siarannya melebihi satu jam.

Berdasarkan pola pemprograman yang disiarkan sepanjang tahun 2000 di Saluran TV1 dan Saluran TV2 didapati sebanyak 29 rancangan utama telah disiarkan oleh Unit Pembangunan dan Pertanian, 12 jenis rancangan utama oleh Unit Hiburan, 34 rancangan

oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan 33 rancangan perayaan dan peristiwa oleh Unit Hal Ehwal Awam.

1.9.3 Rancangan Sisipan / Iklan

Lazimnya rancangan ini disiarkan dipertengahan berlangsungnya sesebuah rancangan iaitu siaran setiap satu rancangan ini tidak melebih 10 minit. Saluran TV1 dan Saluran TV2 RTM biasanya menyiaran rancangan sisipan yang terdiri daripada iklan, promosi, pengumuman dan sebagainya.

Pengumuman pula terdiri daripada pengumuman perkhidmatan awam yang disiarkan untuk memberitahu orang ramai tentang sesuatu perkara seperti aspek-aspek kesihatan, ketuhanan, pendidikan, pertanian, ekonomi dan perdagangan, keselamatan jalan raya, moral dan sebagainya. Misalnya RTM menerusi Saluran TV1 memaparkan pengumuman awam secara penulisan di skrin TV seperti pepatah *Merokok Membahayakan Kesihatan, Kebersihan Gerai dan Makanan, Biar Lambat Asalkan Selamat* dan sebagainya.

Saluran TV1 juga menyiaran sisipan lain seperti siaran azan atau pengumuman waktu sembahyang, hebahan jadual rancangan dan lain-lain pengumuman awam oleh kerajaan.

Rancangan sisipan ini juga termasuk muzik selingan yang sering disiarkan sebaik sahaja sesuatu rancangan telah tamat dan sebelum rancangan lain dimulakan. Ia adalah bertujuan untuk memenuhi masa yang terluang sebelum rancangan baru disiarkan. Rancangan sisipan ini biasanya disiarkan dalam bentuk vokal ataupun instrumental. Muzik selingan ini yang terdiri daripada muzik vokal tempatan yang bertemakan cinta kepada Tuhan, alam, kedua ibu bapa, kesihatan dan sebagainya.

1.9.4 Filem Untuk Televisyen

Ia merupakan rancangan berbentuk lakonan yang panjang dan masa siarannya tidak kurang dari 1 jam 30 minit dan tidak melebihi dari 1 jam 40 minit. Ia merupakan penerbitan khusus yang ditayangkan di televisyen. Kebanyakan filem jenis ini memerlukan perbelanjaan yang rendah berbanding dengan jenis penerbitan yang lain. Tempoh penggambaran untuk filem jenis ini pendek dan tidak banyak menggunakan lokasi penggambaran yang kompleks. Misalnya tayangan drama Cerekrama dan drama-drama Melayu, Cina dan Tamil yang panjang.

1.9.5 Majalah

Penerbitan rancangan ini adalah berbentuk majalah yang mengandungi beberapa segmen kandungan rancangan yang berbeza. Sesuatu rancangan ini bersifat anjal sekiranya ia bersifat kreatif, berinformasi dan menghiburkan. Jangka masa siaran majalah ini adalah dalam lingkungan 15 hingga 60 minit. Antara rancangan yang berbentuk majalah

yang disiarkan di Saluran TV1 adalah rancangan *Cermin Desa*, *Bisness Malaysia*, *Malaysia Permai*, *Salam Pantai Timur* dan *Panorama*.

1.9.6 Rencana

Rencana adalah bentuk penerbitan umum tentang sesuatu kejadian yang telah berlaku, dirancang, dikaji, dirakam untuk siaran televisyen. Masa siarannya lebih pendek iaitu 2-3 minit bagi slot selingan dan 15-30 minit untuk rancangan penuh. Ia mempunyai unsur-unsur pendidikan dan penjelasan yang boleh menjadi panduan kepada khalayak. Pemprograman rencana yang biasanya disiarkan menerusi Saluran TV1 dan Saluran TV2 adalah rencana berbentuk pelancongan, perubatan, alam sekitar, hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan.

1.9.7 Dokumentari

Rancangan ini berbentuk ulasan, laporan, penghujahan, penyiasatan tentang sesuatu isu. Fungsinya untuk membuat ulasan dan interpretasi tentang perkembangan sesuatu peristiwa. Di samping itu, ia juga memberi tumpuan kepada aspek penjelasan yang mendalam, penggunaan intelektual dan kritikan yang disokong dengan fakta yang benar dan kukuh. Tempoh masa siarannya adalah di antara 15 hingga satu jam.

1.9.8 Rancangan Berita

Rancangan yang mengandungi bahan-bahan semasa yang ditulis dan dibaca dalam bentuk berita. Rancangan ini adalah himpunan sejumlah jenis berita yang disambung dalam tempoh masa selama 2 minit hingga 1 jam.

Kategori Rancangan Berita

Berita Perdana Bahasa Melayu

Berita yang disiarkan pada waktu perdana iaitu biasanya pada pukul 8.00 malam. Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Melayu yang meliputi berita-berita semasa yang penting di dalam dan luar negeri. Biasanya laporan tentang sesuatu isu diberi penerangan yang lebih mendalam berbanding dengan berita terkini. Kini jumlah masa siaran berita utama telah meningkat dari 30 minit hingga satu jam sejak RTM menyambut ulang tahunnya ke 55 pada tahun 2001 lepas. Berita perdana membawa segmen yang berasingan setiap hari seperti segmen Malaysia Bersih Indah, Usahawan Bumiputera, Teknologi dan Pertanian, Perubatan, Pendidikan dan Hiburan. Berita utama ini hanya akan disiarkan selama 30 minit sekiranya mempunyai siaran lintas langsung sesuatu peristiwa, sambutan atau perayaan seperti Perarakan Citrawarna, acara sukan yang ditaja oleh syarikat-syarikat besar seperti Telekom, perutusan Perdana Menteri pada awal tahun dan sebagainya.

Berita Utama Bahasa Inggeris

Berita yang disiarkan pada waktu perdana dan biasanya jam 8.00 malam dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ia melaporkan berita-berita penting yang berlaku di dalam dan di luar negeri. Jumlah masa siarannya di antara 30 minit. Lazimnya berita ini disasarkan kepada golongan bukan Melayu.

Berita Muktahir

Berita yang disiarkan selepas atau sebelum sesuatu rancangan dimulakan. Misalnya, Berita Ringkas yang disiarkan di Saluran TV1 merupakan berita sisipan yang melaporkan isu-isu terkini. Tempoh siarannya adalah pendek iaitu antara tiga hingga lima minit sahaja. Berdasarkan pemprograman RTM, Unit Berita dan Ehwal Semasa Jabatan Penyiaran menyiaran sebanyak 7 kali berita muktahir setiap hari.

Berita Utama Bahasa Melayu Lain

Biasanya berita jenis ini disiarkan sebelum program siaran televisyen dimulakan dan ditamatkan serta mengandungi liputan regional atau seluruh daerah di negara. Berita-berita yang dilaporkan adalah lebih kurang sama dengan berita yang dilaporkan pada waktu perdana. Yang membezakannya dengan berita utama ialah dari segi masa siaran iaitu berita jenis ini biasanya disiarkan di antara 15-30 minit. Misalnya, *Berita Wilayah* yang disiarkan pada jam 6.00 petang, *Berita Tengah Hari* pada jam 12.00 petang, *Berita Akhir* pada jam 12.30 pagi dan *Berita Pagi* pada pukul 7.00 pagi di Saluran TV1.

Berita Utama Bahasa Inggeris Lain

Sama seperti berita utama Bahasa Melayu yang lain, yang berbeza hanyalah dari segi bahasa siaran iaitu menggunakan Bahasa Inggeris. Berdasarkan pemprograman RTM hanya didapati satu berita utama Bahasa Inggeris yang disiarkan setiap hari iaitu World News pada lewat malam 12.00 tengah malam.

1.9.9 Rancangan Hiburan

Rancangan yang mengandungi 70 % unsur hiburan dalam sesuatu rancangan. Rancangan ini bertujuan untuk menghiburkan golongan remaja, belia dan dewasa. Biasanya ia mengandungi unsur-unsur seperti muzik dan lagu, lawak jenaka serta permainan. Ia boleh dirakam sama ada di dalam atau luar studio dan pra-rakam atau secara langsung. Rancangan berbentuk persembahan, nyanyian, tarian, lawak jenaka, pementasan yang bertujuan menghiburkan penontonnya. Misalnya, RTM menyiaran rancangan Hiburan Minggu Ini di Saluran TV1 pada setiap malam hari Ahad yang diadakan secara langsung di Auditorium Perdana, Angkasapuri.

Drama

Drama adalah rancangan berbentuk lakonan yang panjangnya tidak lebih daripada satu jam dan tidak kurang daripada 15 minit. Ia merupakan kisahan kehidupan yang

mempunyai strukturnya yang tersendiri seperti aksi, plot, pergerakan, perwatakan yang konkrit, konflik dan mempunyai dialog. Drama yang disiarkan harus memberikan reaksi yang positif terhadap khalayak sasarannya. Antara rancangan-rancangan drama yang disiarkan oleh RTM sepanjang tahun 2000 ialah drama berbentuk telemovie seperti *Ikhlas*, *Pindah, Jalan-Jalan Ini, Warisan, Bayu Di Puncak, Antara Dua Usia, Harga Sebuah Kasih* dan *Tiada Kedua Kali*. Di samping itu, drama berbentuk komidi juga turut disiarkan seperti *Masam-masam Manis* dan *Abang Bujang Abang Melayang*.

Rancangan Drama dan Filem TV di Saluran TV1 dan Saluran TV2

Rancangan Tunggal

Ia merupakan rancangan yang hanya diterbitkan dalam satu siri episod sahaja di mana kronologi atau plot ceritanya akan ditamatkan dalam satu tempoh masa. Dalam satu rancangan ini terdapat permulaan, pertengahan dan akhiran serta yang tidak bersambung.

Rancangan Serial

Rancangan yang tidak ditamatkan dalam satu-satu episod sebaliknya mempunyai sambungan dengan episod yang lain pada masa yang akan datang. Ini kerana kandungan sesuatu episod ada saling kaitannya dengan episod sebelum dan juga episod yang akan datang.

Rancangan Bersiri

Ia merupakan rancangan yang mempunyai sambungan dengan episod seterusnya akan tetapi cerita dan isu yang dibincangkan adalah berbeza dari satu episod ke episod yang lain dan tidak ada perkaitan yang langsung. Namun perwatakan yang dibawa pada setiap siri adalah sama dan tidak banyak berubah.

Rancangan Kanak-kanak

Rancangan ini adalah rancangan yang berkaitan isu kanak-kanak dan kehidupan mereka. Kegiatan kanak-kanak yang biasa diketengahkan adalah permainan, nyanyian, pertandingan dan pembelajaran. Berdasarkan pola pemprograman RTM didapati bahawa kebanyakan rancangan kanak-kanak yang disiarkan oleh RTM membawa mesej yang bermakna bagi golongan ini seperti rancangan, *Barney Sesame Street and Friends* dan *Polka Dot Door*.

1.9.10 Kategori Rancangan Laporan Khas Berita

Sukan

Rancangan ini melaporkan aksi-aksi sukan yang berlangsung dari semasa ke semasa sama ada di dalam mahu pun di luar negeri. Misalnya, Kejohanan Bola Sepak Dunia

Rancangan ini melaporkan aksi-aksi sukan yang berlangsung dari semasa ke semasa sama ada di dalam mahu pun di luar negeri. Misalnya, Kejohanan Bola Sepak Dunia 2002 di Korea dan Jepun yang bermula pada 31 Mei lepas telah disaksikan oleh peminat bola sepak tanah air secara langsung menerusi Saluran TV1. Selain itu, RTM juga turut memaparkan permainan badminton piala Thomas, Premium League, Golf Cup dan acara-acara lain biasanya ditaja olehnya oleh syarikat-syarikat besar seperti Telekom untuk acara sukan tahunan seperti Telekom Le Tour De Langkawi (TMLTDL), Iroman Langkawi dan sebagainya.

Politik

Biasanya rancangan ini melaporkan perkembangan politik sesuatu negara. Rancangan ini lazimnya diselitkan di dalam berita sebagai laporan khas fokus atau isu. Misalnya, perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Perdana Menteri dengan Pope di Vatican, Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Britain Tony Blair dan sebagainya. Segmen fokus ini biasanya akan mengupas berhubung lawatan tersebut, kebaikannya, pendirian negara kita terhadap sesuatu isu.

Ekonomi

Laporan yang berkaitan dengan ekonomi seperti tukaran mata wang asing, pasaran saham dan juga keadaan ekonomi semasa.

Rancangan ini melaporkan kegiatan budaya dan sastera. Biasanya RTM menerusi Saluran TV1 tidak ketinggalan dalam menyiarkan program kebudayaan seperti Citrawarna dan program Cuti-cut Malaysia yang biasanya disiarkan secara langsung di Dataran Merdeka. Selain itu, RTM turut menyiarkan segmen hiburan dalam Berita Perdana bagi membolehkan khalayak mengetahui perkembangan terkini industri filem dan drama tanah air.

Umum

Lazimnya, rancangan ini tidak memberi liputan khas kepada mana-mana pihak kerana ia bersifat umum. Ia melaporkan peristiwa yang berlaku dari semasa ke semasa. Misalnya, siaran Istiadat Perarakan Panji-panji Yang Dipertuan Agong, Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agung, Istiadat Mengadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Bintang di Istana Negara.